


Pelantikan CEO MSM bawa impak positif

FADZIL ZAINOL | 14 Julai 2016 12:13 AM

 64  25  2  0

KIOSKED Ads 



KUALA LUMPUR 13 Julai – Pelantikan Mohamad Amri Sahari sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) bakal memberi impak yang positif kepada syarikat gula setelah jawatan tersebut dibiarkan kosong sejak 14 April lalu.

Tambahan pula jelas Penganalisis MIDF Research, Khairun Adila Khazali, Mohamad Amri mempunyai pengalaman industri yang baik termasuk menjadi Timbalan CEO MSM sejak Mac 2011, sekali gus tidak mempunyai masalah untuk menerajui syarikat berkenaan.

Kata beliau, firmanya bagaimanapun tidak mengubah sebarang unjuran pendapatan MSM kesan penamaan CEO baru tersebut dengan jangkaan pendapatan sebanyak RM2.31 bilion bagi tahun kewangan 2016 dan RM2.36 bilion bagi tahun kewangan 2017 berbanding RM2.30 bilion yang dicatatkan pada 2015.


“Ia merupakan perkembangan yang baik, kerana menamatkan ketidaktentuan berhubung kepimpinan syarikat itu. Dengan pengalaman yang ada bersama MSM, Mohamad Amri dilihat mampu mengetuai syarikat ini,” katanya dalam nota kajiannya di sini hari ini.

Pelantikan itu dibuat bagi menggantikan Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod yang meninggal dunia pada pertengahan April lalu. Mohamad Amri yang berusia 51 tahun memulakan kerjaya sebagai jurutera kilang dengan Felda Palm Industries Sdn. Bhd. pada 1989 dan dilantik sebagai Pemangku Pengurus Besar, Perkhidmatan Pemerolehan dan Bekalan dalam syarikat yang sama.

Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Ketua Pegawai Eksekutif MSM Perlis Sdn. Bhd. pada 2004 sebelum menjadi Timbalan CEO MSM sejak Mac 2011.

Menurut Khairun Adila, MSM mempunyai prospek pertumbuhan yang baik dibantu dengan penambahan kapasiti kilang memproses gula di Tanjung Langsat selain menjalankan aktiviti dagangan di Dubai. Tambahnya, MSM masih kekal menjadi kaunter saham yang boleh membawa pulangan yang baik.

Dalam kenyataan semalam, Mohamad Amri menerima pelantikan tersebut dan mahu memastikan visi yang ditetapkan oleh Allahyarham Sheikh Awab menjadi keutamaannya.



Saham syarikat itu ketika ini didagangkan sekitar RM5.01 sesaham menjadikan nilai pasarannya RM3.52 bilion.

Sehingga 21 Mac lalu, Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) merupakan pemegang saham terbesar MSM dengan kepentingan 51 peratus, diikuti Koperasi Permodalan Felda Malaysia Bhd. (20 peratus), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (6.03 peratus) dan AmanahRaya Trustees Bhd. (5.89 peratus).

